

Anwar atur skrip baru, kata Salleh

Free Malaysia Today

1 April 2014

Oleh FMT Staff

PETALING JAYA: Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Salleh Said Keruak berkata selepas dua pilihan raya kecil (PRK), kini Datuk Seri Anwar Ibrahim mengatur skrip baru, untuk mengalih-pandang, dari rasa kecewa gagal menjadi calon di Kajang, dan rasa kecewa dengan sokongan dingin di Balingian.

Katanya, skrip barunya adalah untuk pemilihan dalam Parti Keadilan Rakyat (PKR) Mei depan.

“Dia bertanding jawatan Presiden PKR, mencabar isterinya, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail,” kata beliau dalam posting terbaharu blognya www.sskeruak.blogspot.com

Beliau yang juga Speaker Dewan Undangan negeri Sabah berkata sandiwara yang ditayang ini cukup hebat.

“Maha hebat daripada kisah Singapura dilanggar todak. Bagaimana mungkin sepasang suami isteri, yang tinggal sebumbung dan tidur sebilik, bersaing satu-lawan-satu di pentas politik, merebut satu jawatan, jawatan nombor Satu,” katanya.

Beliau berpendapat mungkin alasan Anwar, ia sebagai petanda demokrasi subur dalam parti, untuk mengaburi para ahlinya. Tapi niatnya tetap dilihat kabur.

“Membaca skrip baru Anwar ini, ada dua kebarangkalian jelas. Pertama, untuk mencapai cita-cita politik yang tinggi melayang-layang. Kedua, kerana ketakutan diburu bayang-bayang sendiri dari kerisauan PKR dikuasai orang lain,” jelas beliau.

Katanya lagi, pencalonan Anwar dan Azizah untuk jawatan Presiden PKR jelas menunjukkan parti itu hakmilik mutlak Anwar.

“PKR adalah Anwar dan Anwar adalah PKR. Kerana dia menentukan segala-galanya, bukan Azizah. Azizah berada di tempatnya hanya pada nama saja, sementara penyokong-penyokong fanatik Anwar tetap akan mengikut telunjuknya serta menjulangnya sebagai pelakon hero pujaan,” ujarnya.

Salleh berpendapat sementara menunggu hari pemilihan, kemungkinan akan ada babak-babak baru drama yang ditayangkan.

“Tapi jelas, pertandingan ini hanya untuk mengaburi mata para ahli parti. Dan pada akhirnya, Azizah akan kekal di situ kerana sesuatu yang tidak masuk akal bagi Anwar menentang isterinya sendiri,” katanya.

Beliau berkata sebagai seorang isteri yang setia, Azizah akan menjadi penyelamat kepada

suaminya.

“Dia akan berkorban apa saja untuk Anwar kerana hanya dia yang maha mengetahui rahsia sebenar Anwar, di dalam gelap mahupun terang,” katanya lagi.

Beliau berpendapat bagi jawatan Timbalan Presiden, sudah tentulah orang itu yang mendapat ‘green light’ Anwar demi survival politiknya.

“Antara penyandang Azmin Ali dan MB Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, sudah tentu pilihan ‘endorsement’ itu akan berpihak kepada Azmin yang banyak mengetahui rahsia Anwar,” ramal beliau.

Katanya, kemenangan Azmin sesuai dan selari dengan skrip yang ditulis Anwar, justeru Khalid pasti akan ‘dikalahkan’ dengan apa cara sekali pun kerana dia dikatakan sudah ‘berlagak dan tidak dengar cakap taukeh’.

“Bermakna, selepas Khalid tewas dalam persaingan Timbalan Presiden, maka skrip baru Anwar adalah untuk melucutkannya daripada kerusi MB dan menggantikannya dengan Azizah, sebagai platform ‘langkah Kajang’ menuju ke Putrajaya,” ramalnya lagi.

Menurut Salleh, sementara Azmin akan terus setia dan menjadi ‘pak turut’ kepada Anwar dengan harapan selepas Azizah, dia boleh merasai empuk kerusi MB Selangor, tanpa menyedari bahawa selepas Azizah itu sebenarnya Nurul Izzah sedang mengekori rapat dan mengikut jejak, berdasarkan skrip yang ditulis oleh Anwar.

“Dalam senario lain, jika Anwar menjadi Presiden menggantikan Azizah, maka Azmin sebagai timbalannya boleh menjadi ‘penyelamat’ jika Anwar gagal dalam proses rayuan di mahkamah dan terlucut jawatan,” jelasnya.

Katanya, jika Azmin menjadi pemangku presiden, dia tidak akan mengambil sesuatu keputusan tanpa merujuk Anwar, berbanding Khalid yang dilihat lebih lantang dan pandai-pandai membuat perhitungan sendiri.

“Anwar membaca dan mengetahui semua ini. Anwar adalah pelakon politik yang bijaksana. Dia tidak akan berubah sejak dulu, kini dan selamanya,” tegasnya.

Katanya lagi, kalau kita mengikuti perjalanan politiknya, amat mudah untuk kita baca dan fahami.

“Politiknya hanya bermain isu dan bukan perjuangan dalam ertikata sebenar. Dia hanya mengikut nafsu dan selera politiknya semata-mata,” katanya.

Salleh berpendapat Anwar adalah penulis skrip, pengarah, pelakon dan penerbit drama politik yang berlaku hari ini, khususnya dalam PKR.

“Tetapi jalan cerita drama ini sama seperti cerita-cerita dahulu. Penuh suspen, tapi ‘ending’nya tetap sama — untuk survival politik Anwar — maka suatu hari nanti, masyarakat pasti akan bosan dengan drama ulangtayang yang sama ini,” jelasnya lagi.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/04/01/anwar-atur-skrip-baru-kata-salleh/>